

# Lepas dipanggil lelaki rupanya

Hadzlihadhy Hassan  
hadzlihadhy@hmetro.com.my

■ 15 mak nyah ditahan dalam parti hari jadi tersipu-sipu nama sebenar terdedah

FOTO: MIKAIL ONG

## Georgetown


**B**erpakaian seksi dan bersolek tak ubah seperti wanita namun selepas nama dipanggil untuk mengambil kad pengenalan mereka mula menunjukkan rasa malu kerana masing-masing sebenarnya lelaki.

Itu gelagat ditunjukkan sekumpulan 15 mak nyah yang ditahan ketika berhibur di sebuah pusat hiburan di Jalan Dr Lim Chwee Leong di sini, awal pagi semalam.

Semua mereka diperiksa dalam Op Bersepadu dilakukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Serbuhan diketuai Pegawai Turus D7 IPK negeri, Deputi Superintendan Akmal Yahaya itu bermula jam 1 pagi dan berakhir dua jam kemudian.

Ketika serbuhan, kumpulan mak nyah terbabit meraikan parti hari jadi rakan mereka.



**FAKTA**  
200 pengunjung di pusat hiburan diperiksa

ANGGOTA polis Bahagian D7 IPK Pulau Pinang menjalankan Op Bersepadu di sebuah pusat hiburan di Jalan Dr Lim Chwee Leong.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Datuk Zainol Samah berkata, dalam operasi itu, polis menahan empat lelaki berusia 22 hingga 26 tahun kerana

disyaki terbabit dalam pertubuhan haram dan kongsi gelap.

"Lebih 200 pengunjung di pusat hiburan itu diperiksa dan kita dapati empat daripada mereka mempunyai

tatu di badan dipercayai terbabit dalam pertubuhan haram.

"Suspek ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 52(3), Akta Pertubuhan 1966," katanya.

Beliau berkata, dua pengunjung masing-masing seorang lelaki dan seorang wanita turut ditahan kerana positif dadah.

Dalam serbuhan itu, dua pekerja wanita warga Indo-

nesia dan seorang lelaki yang juga pemilik premis turut ditahan kerana menggaji pekerja warga asing.

Selain itu, MBPP turut merampas pelbagai peralatan elektronik yang digunakan pusat hiburan berkenaan.

Difahamkan, premis berkenaan beroperasi tanpa lesen dan pernah diserbu sebelum ini.